

PAS nafi Haron Din, Taib, Ismail ada di rumah Hasan Ali
MalaysiaKini.com
January 11, 2012

PAS hari ini menafikan laporan yang menyebut beberapa pemimpin parti itu berada di rumah bekas pesuruhjaya PAS Selangor, Datuk Hasan Ali selepas beliau dipecat Ahad lalu dan menyifatkannya sebagai "mempunyai niat tidak senonoh".

NONEketua penerangan PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata ia merupakan "berita bohong/fitnah/mengelirukan/niat jahat/provokasi" yang didakwa dihebahkan oleh media perdana dengan agenda untuk mengelirukan ahli PAS di samping melaga-lagakan antara pimpinan parti itu.

"Terbaru media perdana dilaporkan sebagai membayangkan Datuk Haron Din, Ustaz Taib Azamuddin, Ustaz Ismail Kamus, antara yang hadir dalam penjelasan di rumah Datuk Dr Hasan Ali malam Ahad yang lalu.

"Laporan tersebut adalah tidak betul dan mempunyai niat tidak senonoh, kerana hakikatnya kesemua mereka tidak bersama pada malam tersebut," tegas Tuan Ibrahim dalam satu kenyataan hari ini.

NONEketika penjelasan itu diberikan, tegas Tuan Ibrahim, PAS mengesahkan bahawa Harun sedang bermesyuarat di Majlis Syura Ulama di pejabat agung PAS, Taib pula berada di China dan Ismail sedang menerima rawatan.

"Manakala bagi Ustaz Nasharudin Mat Isa, beliau yang baru kembali dari luar negara ada memaklumkan kepada Majlis Syura akan kehadirannya ke rumah Datuk Hasan Ali," tambahnya.

Oleh itu, kata Tuan Ibrahim mendakwa, perkara tersebut merupakan usaha pihak tertentu yang bermotif untuk memberi imej buruk kepada pimpinan parti dan mengelirukan ahli PAS sehingga bersangka buruk terhadap pimpinan parti demi mengganggu persiapan terakhir pilihanraya.

Dalam suasana hampir dengan pilihanraya, tambahnya, pelbagai isu luaran dan dalaman yang akan timbul untuk mengganggu kelancaran gerak-kerja parti.

harakah defence its report against hasan ali 291211"Lantaran itu, semua ahli dan pimpinan parti mesti merujuk kepada media rasmi parti iaitu Harakahdaily dan Harakah cetak untuk mendapatkan sumber sahih dan rasmi parti.

"Semua ahli dan pimpinan parti juga diseru menguatkan kesedaran politik agar tidak mudah dipengaruhi permainan jahat pihak lawan," kata Tuan Ibrahim.

Dalam suasana mencabar ini, tambahnya, semua ahli PAS diseru memperkukuhkan perpaduan dan ukuhwah dalaman parti agar "kita dapat menjauhi kerja yang tidak menguntungkan jamaah dan menumpukan seluruh masa, tenaga dan dana bagi menghadapi persiapan pilihanraya umum yang semakin hampir."